

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HGM 340 – Geografi Pertanian**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Purata keluasan tanah yang dimiliki oleh petani-petani di Malaysia adalah kecil. Merujuk kepada pernyataan ini bincangkan tentang sistem pertanian dan langkah-langkah yang patut disyorkan atau diamalkan agar sektor pertanian terus berkembang maju.

[25 markah]

2. Bincangkan perbezaan pembangunan pertanian di Malaysia dengan pembangunan pertanian di salah sebuah negara maju dan bagaimanakah langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi merapatkan jurang perbezaan tersebut.

[25 markah]

3. Penjimatan penggunaan air dalam aktiviti pertanian boleh dilakukan dengan mengawasi faktor-faktor yang menyebabkan kehilangan air melalui tumbuhan dan alam sekitar. Bincangkan.

[25 markah]

4. Pertanian pindah didapati masih diamalkan di dalam negara kita, malahan di peringkat dunia ianya masih menjadi satu aktiviti yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Bincangkan.

[25 markah]

5. Bincangkan pendekatan-pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara.

[25 markah]

6. Bincangkan perbezaan tumbuhan  $C_3$  dan  $C_4$  dan aplikasinya dalam pemilihan tanaman untuk sesuatu kawasan pertanian.

[25 markah]

7. Bincangkan kerelevanan Teori Von Thunen kepada aktiviti-aktiviti pertanian masa kini.

[25 markah]

8. Merujuk kepada Jadual 1, jawab soalan-soalan berikut:

[ i] Kira dan penuhkan ruangan di dalam Lampiran 1.

[10 markah]

[ ii] Jelaskan kombinasi tanaman manakah yang paling sesuai.

[5 markah]

[iii] Jelaskan kenapa petani jarang mempraktikkan kombinasi tanaman yang disyorkan, dan sebaliknya menumpukan kepada penanaman monokultur?

[10 markah]

**Jadual 1 & Lampiran 1**

**Jadual 1:** Bidang usaha, keluasan tanaman, dan harian-kerja yang diperlukan untuk pengeluaran tanaman bagi tempoh satu musim

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	harian-kerja yang diperlukan	Peratusan
Jagung	10	120	15
Padi	4	160	20
Sawi dan Kobis	2	180	22
Bunga	3	200	25
Tembikai	5	150	18
Jumlah	24	810	100.0

**Lampiran 1:** Jadual perkiraan pemilihan kombinasi tanaman

	Monokultur	2-kombinasi	3-kombinasi	4- kombinasi	5-kombinasi
% pemerhatian					
% Jangkaan					
perbezaan , $d$					
$d^2$					
$\Sigma d^2$					
$\Sigma d^2 / n$					